



**ZAINI** (kanan) menyempurnakan gimik perasmian program itu sambil dibantu oleh Saidi (tengah).

# KeTTHA laksanakan program khas

► Untuk bantu tingkat bekalan air Kg Kibagu

UB 27.3.2018 A3

Oleh YAP SIONG HAN

**KOTA KINABALU:** Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) akan melaksanakan program khusus yang mampu meningkatkan bekalan air di Kampung Kibagu, Manggatal.

Ketua Setiausaha KeTTHA Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang berkata, Kg Kibagu yang terletak di kawasan pesisiran pantai adalah sebuah kawasan indah tetapi berhadapan masalah bekalan air.

“Dalam lawatan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kali ini, kita dapati kampung ini berhadapan masalah kecurian air berleluasa oleh pihak tidak bertanggungjawab.

“Kita akan mengadakan beberapa program di kampung ini bagi membantu penduduk mengatasi masalah bekalan air,” katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan Program CSR Kempen KeTTHA bersama Penduduk Kg Kibagu, di sini pada Isnin.

Beliau berkata, selain bekalan

“Dalam lawatan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kali ini, kita dapati kampung ini berhadapan masalah kecurian air berleluasa oleh pihak tidak bertanggungjawab.”



**ZAINI** (kanan) meninjau suasana sekitar kawasan Masjid Kariah.

air pihaknya mendapati Masjid Kariah kampung itu turut berada dalam keadaan usang.

Katanya, program CSR itu mendapat kerjasama daripada pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi membersihkan sekitar kawasan masjid.

“Kali ini kita membantu membersihkan dan membaiki keadaan masjid dengan harapan mampu meningkatkan kapasitinya,” katanya.

Dalam pada itu, Zaini menjelaskan KeTTHA akan terus komited untuk mengurangkan Kadar Sistem Purata Tempoh Gangguan (SAIDI) kepada sasaran 100 minit di negeri ini.

Bagi tujuan itu, sebanyak RM2.3 bilion telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 untuk Sabah bagi meningkatkan bekalan tenaga elektrik.

“Untuk itu, kita telah melaksanakan 49 projek dan kini dalam proses penyediaan serta tiga daripadanya telah siap sepenuhnya.

“Terdapat banyak lagi komponen dalam projek itu yang akan dilaksanakan di sini pada masa hadapan,” katanya.

Hadir sama ialah Imam Masjid Kariah Haji Saidi Taib.